

# KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN UNTUK PEKEBUN KECIL SAWIT

Nazirah Che Jaafar

Unit Khidmat Pengembangan, Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

## PENDAHULUAN

Koperasi adalah suatu pertubuhan berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi aspirasi ekonomi, sosial dan budaya melalui suatu perusahaan milik bersama yang dikawal secara demokrasi. Koperasi perlu berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 (<http://www.skm.gov.my>). Pada masa ini, aktiviti koperasi telah maju dan berkembang meliputi sektor perbankan, perladangan, pertanian, pengangkutan, pembinaan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, tujuan asal koperasi masih tidak berubah iaitu untuk menyatukan sumber-sumber seperti modal, buah fikiran dan tenaga di kalangan ahli bagi meningkatkan taraf serta kualiti hidup masyarakat.

Melihat keberkesanan koperasi dalam menyatukan masyarakat untuk kebaikan bersama, Kementerian Perusahaan Perladangan Komoditi (MPIC) melalui MPOB telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampam bagi pekebun kecil persendirian.

## KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN (KPSM)

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampam (KPSM) merupakan salah satu aktiviti di bawah program *Sustainable Palm Oil Cluster* (SPOC) seliaan MPOB. Tujuan SPOC adalah untuk memastikan pekebun kecil mengeluarkan sawit secara mampan bagi menyumbang pengeluaran minyak sawit negara. Mampan bermaksud prestasi pengurusan sawit mampu kekal baik bagi pengeluaran minyak sawit secara berterusan untuk keperluan masa kini dan masa depan. Objektif utama penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil sawit supaya mereka dapat menjalankan pelbagai aktiviti atau projek untuk kebaikan bersama. Aktiviti tersebut seperti meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah tandan segar (BTS), pembelian input secara berkelompok untuk mengurangkan kos dan penjualan BTS berkelompok bagi mendapatkan harga yang tinggi dan seterusnya meningkatkan pendapatan ahli (Nazirah, 2012).

## LOGO KPSM

Logo yang telah diseragamkan untuk seluruh KPSM adalah seperti *Rajah 1*. Penjelasan maksud logo tersebut adalah:

- Simbol manusia dan sawit dipilih untuk memberi kesan betapa kuatnya pertalian antara mereka. Ini bermaksud penyertaan dan kombinasi antara penanam sawit mampan
- Hijau: Warna pelepah sawit
- Oren: Simbol manusia dan pokok
- Hitam: Warna tulisan



*Rajah 1. Logo KPSM.*

## KEANGGOTAAN KPSM

Keanggotaan KPSM adalah terbuka kepada pekebun kecil sawit persendirian yang memiliki kebun sawit kurang daripada 40.46 ha. Keutamaan keanggotaan diberikan kepada pekebun kecil sawit persendirian kerana mereka ini tidak dinaungi oleh mana-mana agensi. Selain itu, mereka menghadapi pelbagai cabaran seperti menanggung kos input pertanian yang tinggi dan jualan harga BTS yang tidak setimpal. Oleh itu, melalui KPSM kumpulan ini dapat disatukan di bawah satu koperasi.

## KAEDAH PENUBUHAN KPSM

Proses penubuhan KPSM adalah mengikut prosedur dan perundangan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pihak MPOB dan SKM saling bekerjasama untuk



Rajah 2. Anggota Lembaga Koperasi Penanam Sawit Mampan Yong Peng Utara Berhad.



Rajah 3. Mesyuarat Agung Permulaan KPSM.

melancarkan penubuhan dan melaksanakan KPSM. Prosedur penubuhan KPSM adalah:

- i. Menghubungi SKM Negeri
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Penaja
- iii. Mengadakan Mesyuarat Agung Permulaan (MAP)
- iv. Memohon Pendaftaran Koperasi

### **KEBAIKAN BERKOPERASI**

Melalui penubuhan koperasi, antara kebaikan yang dilihat adalah:

- i. Meningkatkan diri dan taraf sosioekonomi pekebun kecil dan masyarakat.
- ii. Membuka peluang pekerjaan setempat.
- iii. Mengoptimumkan penggunaan sumber tempatan.
- iv. Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

### **PRINSIP KOPERASI**

Prinsip koperasi terdiri daripada tujuh prinsip iaitu:

- i. Keanggotaan sukarela dan terbuka
  - keanggotaan dalam koperasi adalah secara sukarela dan terbuka kepada individu yang boleh menggunakan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam undang-undang kecil tanpa diskriminasi jantina, bangsa dan agama.
- ii. Kawalan demokratik oleh anggota
  - pengurusan koperasi dikawal oleh anggota yang mengambil bahagian secara aktif dalam menentukan dasar dan membuat keputusan secara demokratik. Semua anggota koperasi mempunyai hak mengundi yang sama iaitu satu anggota satu undian.

## PERBEZAAN ANTARA KOPERASI DENGAN SYARIKAT SWASTA

Koperasi	Syarikat Swasta
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pentingkan perkhidmatan kepada anggota</li> <li>• Keputusan demokratik di mana satu anggota satu undi</li> <li>• Anggota lembaga dilantik dalam mesyuarat agung tahunan</li> <li>• Anggota adalah pemilik dan pelanggan</li> <li>• Manfaat kepada anggota</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memaksimumkan keuntungan untuk pemegang saham</li> <li>• Undi berdasarkan jumlah saham yang dimiliki</li> <li>• Ahli Lembaga Pengarah dilantik dan ditentukan oleh pemegang saham terbesar</li> <li>• Pemilik dan pelanggan adalah berbeza</li> <li>• Manfaat kepada pemegang saham</li> </ul>

Sumber: Majalah Koperasi COOP (2010).

- iii. Penglibatan ekonomi oleh anggota
  - sumber modal koperasi adalah daripada sumbangan anggota secara saksama.
- iv. Autonomi dan kebebasan
  - koperasi merupakan organisasi yang berautonomi atau bebas dan berdikari dengan kawalan secara demokrasi oleh anggotanya.
- v. Pendidikan, latihan dan maklumat
  - koperasi menyediakan latihan untuk anggotanya supaya mereka dapat menyumbangkan tenaga dan idea dalam pembangunan koperasi. Menyampaikan maklumat mengenai koperasi kepada masyarakat.
- vi. Kerjasama antara koperasi
  - bekerjasama dengan koperasi lain dalam memperkukuhkan gerakan koperasi.
- vii. Mengambil berat terhadap masyarakat
  - koperasi berusaha agar pembangunan yang dilaksanakan dapat memberi kebaikan kepada masyarakat dan berkekalan.

### KESIMPULAN

Koperasi seperti KPSM adalah satu institusi yang menggembeng ahlinya untuk bertindak secara keseluruhan bagi mencapai objektif mereka. Kejayaan sesuatu koperasi terletak kepada kesungguhan semua ahli untuk merealisasikan matlamat penubuhan koperasi mereka. Dengan

adanya koperasi, maka pekebun kecil mempunyai saluran alternatif untuk menyampaikan masalah mereka dengan berkesan. Suara mereka lebih didengari, kerana mereka mewakili sekumpulan orang berbanding jika bersendirian. Kajian turut menunjukkan koperasi berpotensi membantu komuniti untuk meningkatkan keupayaan mereka menyertai dan bersaing dalam pasaran sedia ada (Sarmila, 2016).

### RUJUKAN

- ANON (2017). Portal Rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia. <http://www.skm.gov.my>, Perundangan Koperasi.
- SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (2010). *Majalah Koperasi COOP. Bil. 1/2010*. ISSN 2180-4001.
- NAZIRAH, C J; ZAKI, A dan IDRIS, O (2012). Koperasi sebagai institusi peningkatan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil: Kajian kes Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2012*. m.s. 99-108.
- SARMILA, MS; ZAIMAH, R; RUSYDA, R; NOVEL, L; ROSNIZA, A C R; SIVAPALAN, S; NUR, H M; NAZIRAH, C J; ZAKI, A dan MOHD, K A I (2016). Sumbangan koperasi terhadap pembangunan komuniti pekebun kecil sawit: Kajian kes Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Temerloh, Pahang dan Saratok, Sarawak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2016*. m.s. 117-133.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Lembaga Minyak Sawit Malaysia,  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor.*

*Tel: 03-8769 4400*

*Faks: 03-8925 9642*

*E-mel: [nazirah@mpob.gov.my](mailto:nazirah@mpob.gov.my)*

*Talian Hotline: 03-8925 1122*